

» Tatabahasa

Baca dan fahami petikan yang diberikan. Kemudian, kenal pasti sama ada perkataan yang dicetak tebal merupakan kata nama atau kata pinjaman.

SP 5.1.1

Keracunan makanan sering berlaku di mana-mana sahaja. Ada kes keracunan makanan yang berlaku di **kantin** sekolah, kantin kilang, dan lain-lain. Selain itu, kes ini juga berlaku di **premis**-premis makanan yang menjual makanan di tepi **jalan** seperti **gerai**. Tidak ketinggalan juga, kes-kes ini berlaku di **restoran**, **kafe**, dan sebagainya.

Keracunan makanan mendatangkan pelbagai kesan dari segi kesihatan seperti muntah dan cirit-birit. Oleh itu, kita tidak boleh memandang remeh terhadap masalah ini kerana keracunan makanan turut membahayakan nyawa.

Pengendali kedai makanan mestilah memainkan peranan penting demi memastikan makanan dan **proses** penyediaan makanan bersih dalam setiap aspek. **Pemilik** atau pengusaha makanan hendaklah mementingkan kebersihan supaya tidak membahayakan kesihatan **pelanggan**.

Bagi individu yang menyediakan makanan untuk jumlah yang banyak, pemantauan yang rapi perlu dilakukan bagi menjaga kualiti makanan. Biasanya, penyediaan bahan-bahan makanan bagi jumlah yang banyak akan dilakukan lebih awal. Oleh itu, bahan-bahan tersebut boleh terdedah pada **bakteria** yang dikhuatiri akan menyebabkan keracunan makanan.

Nota Tatabahasa

Kata Nama Am

- Ditulis dengan huruf kecil kecuali jika perkataan tersebut ditulis pada awal ayat.
- Contoh: ayah, nenek, kucing, burung, kayu, rumput, nasi, awan

Kata Nama Khas

- Ditulis dengan huruf besar pada pengkal awal perkataan.
- Contoh: Razif, Si Tompok, Selasa, April, SMK Bukit Merah, Pak Hamid

Kata Ganti Nama

- Kata yang digunakan untuk menggantikan nama orang.
- Terdiri daripada kata ganti nama diri pertama, kedua, dan ketiga.
- Kata ganti nama diri pertama: aku, saya, patik, kami, kita
- Kata ganti nama diri kedua: awak, kamu, engkau, anda, tuanku
- Kata ganti nama diri ketiga: dia, ia, beliau, baginda, mereka

Kata Pinjaman

- Kata yang dipinjam daripada bahasa lain, kemudian disesuaikan ke dalam bahasa sasaran.
- Contoh: kartun, konduktor, wisel, dialek, kelab, gelas

Kata Nama	Kata Pinjaman
1 _____	1 _____
2 _____	2 _____
3 _____	3 _____
4 _____	4 _____
5 _____	5 _____